

Headline **Kursus teater jadi kokurikulum di IPTA**
Date **16. Jun 2009** Language **MALAY**
Media Title **Kosmo** Page No **13**
Section **Negara** Article Size **96** cm2
Circulation **108796** Frequency **Daily**
Readership **406000** Color **Black/White**
AdValue **445.66**



Kursus teater jadi kokurikulum di IPTA

KUALA LUMPUR – Semua Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) wajar mengadakan kursus teater sebagai salah satu aktiviti kokurikulum.

Menurut Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah, penglibatan mahasiswa dalam teater bukan sahaja mampu melahirkan lebih ramai penggiat dan aktivis teater malah dapat menghayati budaya tinggi dalam teater.

“Setakat ini hanya 12 daripada

20 IPTA mempunyai kursus teater sebagai salah satu daripada aktiviti kokurikulum, saya harap kesemua 20 IPTA mengadakan kursus teater kerana ia boleh membudayakan mahasiswa untuk membentuk jati diri budaya yang kukuh.

“Teater merupakan salah satu cara untuk menghayati budaya dalam masyarakat yang kini lebih terdedah kepada budaya hedonisme yang melalaikan,” katanya ketika berucap merasmikan

majlis pelancaran buku sastera *The Frankincense* terjemahan naskhah ‘Mana Setangginya?’ karya Sasterawan Negara, Datuk Noordin Hassan yang dijual pada harga RM25.

Karya itu diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris hasil inisiatif Institut Terjemahan Negara Malaysia bagi membolehkan ia dijual untuk pasaran luar negara.

Saifuddin juga menggesa semua IPTA supaya menghasilkan lebih banyak naskhah teater yang

melambangkan pemikiran dan budaya bangsa.

Pada majlis itu, hadirin turut dipertontonkan dengan pementasan teater ‘Mana Setangginya?’ yang dipentaskan selepas 10 tahun karya tersebut dihasilkan.

Teater itu mula dipentaskan kepada umum di Istana Budaya bermula 13 Jun hingga 21 Jun ini yang mengenengahkan barisan pelakon seperti Tony Eusoff, Sabrina Ali Dad Khan, Shahrudin Thamby dan Azizah Mahzan.